

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 23.5.2016

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan mengatasi bahaya reptilia yang mengancam nyawa pelajar di persekitaran premis persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil berat berkaitan keselamatan murid. KPM telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2016 pada 26 April 2016, "**Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Yang Berpanjangan**".

Surat siaran tersebut bertujuan untuk memastikan pihak sekolah mengambil langkah-langkah keselamatan termasuk penjagaan kawasan supaya bersih bagi mengelakkan haiwan berbisa di kawasan sekolah. Pihak sekolah juga diingatkan supaya selalu mengingatkan murid

berkaitan haiwan berbisa dan melaporkan kepada guru dengan segera sekiranya terserempak dengan haiwan tersebut.

RJM46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 23.5.2016 (ISNIN)

SOALAN : 68

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kriteria spesifik mewajarkan mana-mana individu terutama rakyat Malaysia dilarang menjadi panelis undangan di institusi pengajian tinggi serta bekerja dengan atau membida projek jabatan/agensi Kerajaan dan GLC di samping senarai lengkap mereka yang telah di senarai hitamkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria pemilihan panelis undangan yang dijemput ke Universiti Awam (UA) adalah berdasarkan kapasiti beliau untuk memperkayakan ilmu serta menyumbang ke arah kesarjanaan universiti dan ia tertakluk kepada peraturan dan prosedur di universiti masing-masing.

Pihak UA sendiri adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan topik perbincangan dan/atau pemilihan panelis undangan tidak membawa unsur hasutan atau anasir jahat yang boleh mengancam keharmonian serta mengekalkan neutraliti di dalam kampus. Sehubungan itu, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyangkal dakwaan terdapat ahli panel luar mahupun ahli panelis undangan yang terlibat dalam proses pemilihan tender menjadi pembida projek di bawah universiti.

Panel luar yang dilantik adalah terdiri daripada wakil-wakil Kementerian atau Agensi Kerajaan yang lain seperti dari Kementerian Kewangan, Jabatan Kerja Raya dan MAMPU. Wakil-wakil ini dikehendaki menandatangani surat perakuan "integrity pack" yang mengistiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan peribadi di dalam tender tersebut. Kebiasaanya ahli panel ini dilantik oleh Kementerian Kewangan ataupun KPT sendiri dan mengikut prosedur kewangan kerajaan dan peraturan universiti masing-masing. Justeru, proses kerja pembidaan dijamin telus dan tiada unsur-unsur yang tidak berintegriti diamalkan.

Berkaitan dengan individu yang disenarai hitam, ia bergantung kepada kes-kes yang berkaitan dengan UA masing-masing.